



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KKM/NPRA.PKP/600-2/1/1(17)

Tarikh : 23 Mac 2020

**SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK
SEMUA PEMOHON PEMERIKSAAN PUSAT KAJIAN BIOEKUIVALENS (BE)
SEMUA PEMOHON PEMERIKSAAN AMALAN MAKMAL BAIK**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof. / Dr./ Tuan/ Puan,

**PENANGGUHAN SEMUA PEMERIKSAAN DALAM DAN LUAR NEGARA OLEH
NPRA BERIKUTAN INSIDEN COVID-19**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Mengenai COVID-19 pada 16 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967, surat daripada Ketua Setiausaha Negara No. Rujukan JPM.KSN.100-2/2/5/Jld.3(52) bertarikh 13 Mac 2020 berkenaan Langkah-langkah Menangani Penularan Wabak (COVID-19) dan Surat Arahan Larangan Perjalanan Anggota-Anggota KKM ke Luar Negara Semasa Wabak COVID-19 No. Rujukan KKM.500-6/4/2 JLD 6 (57) bertarikh 5 Mac 2020, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) telah memutuskan untuk semua pemeriksaan dalam dan luar negara oleh NPRA yang **dijadualkan pada tahun 2020 terpaksa ditunda sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.**

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof. / Dr./ Tuan/ Puan tidak perlu mengemukakan permohonan baharu untuk semua pemeriksaan dalam dan luar negara tersebut. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi pegawai yang disenaraikan dalam **Lampiran 1.**

Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof. / Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN DR. FARIDAH ARYANI BINTI MD YUSOF) RPh. 1197

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

HA/mnmn

✉ nasrul@npra.gov.my / kbkhairul@npra.gov.my

☎ +603 – 7883 5494 / +603 – 7883 5484

s.k:

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

LAMPIRAN 1

Senarai Pegawai Yang Boleh Dihubungi:

i. Pemeriksaan GMP:

En. Mohd Nasrul bin Mohamad Noor

☎ 03-7883 5494 / ✉ nasrul@npra.gov.my

En. Mohamad Amirrudin bin Said

☎ 03-7883 5400 (samb: 4233) / ✉ amirrudin@npra.gov.my

ii. Pemeriksaan GDP:

En. Shaik Muhammad Naquib bin Shaik Mohamed

☎ 03-7883 5495 / ✉ shaik_mn@npra.gov.my

En. Francis Teng Chuen Chuing

☎ 03-7883 5495 / ✉ francisteng@npra.gov.my

iii. Pemeriksaan Pusat Kajian BE dan Jawatankuasa Etika:

Cik. Nabila binti Mohd Shaffie

☎ 03-7883 5487 / ✉ nabilashaffie@npra.gov.my

En. Mohd Azwadi bin Kamarudin

☎ 03-7883 5486 / ✉ azwadi@npra.gov.my

iv. Pemeriksaan GCP and GLP:

Cik. Fadhilah binti Hasbullah

☎ 03-7883 5478 / ✉ fadhilah@npra.gov.my

En. Ahmad Izwan bin Abdul Rani

☎ 03-7883 5484 / ✉ izwan@npra.gov.my